



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Adab Bersungkai Mengikut Sunnah Rasulullahi Shallallahu 'Alaihi Wasallam

(Bahagian Akhir)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

5 Menjemput Orang Untuk Bersungkai

Perkara menjemput dan menjamu orang yang berpuasa adalah sunat bahkan mendapat keampunan dari Allah *Ta'ala*. Sekiranya tidak mampu menjamu atau menghidangkan makanan, memadai jika menyungkaikan dengan bersedekah kurma atau air minum ataupun susu. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

: .

: .

.

()

Maksudnya: “Sesiapa yang menyungkaikan padanya (bulan Ramadhan) orang yang berpuasa, baginya keampunan bagi dosanya, bebas tengkuknya (dirinya) dari api neraka dan baginya ganjaran seumpama orang yang disungkaikannya tanpa mengurangi ganjarannya sedikit pun. Mereka (para sahabat) berkata: Kami semua tidak mempunyai apa-apa untuk menyungkaikan orang yang berpuasa. Baginda pun bersabda:

Allah mengurniakan ganjaran ini kepada sesiapa yang menyungkaikan orang berpuasa dengan sebiji kurma atau seteguk air atau campuran susu.”

(Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah)

Selain itu, para malaikat bersalawat ke atas orang yang menjamu orang-orang yang berpuasa untuk bersungkai bersamanya. Sebagaimana hadis daripada Anas *Radhiallahu ‘anhu* katanya:

:

.

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam pernah datang menemui Sa’d bin ‘Ubadah. Maka dia (Sa’d) menghidangkan roti dan minyak zaitun. Baginda Shallallahu ‘alaihi wasallam pun makan dan bersabda: “Orang-orang yang berpuasa telah bersungkai di sisi kamu, orang-orang yang baik telah makan makanan kamu dan para malaikat telah berselawat ke atas kamu.”*

(Hadis Riwayat Abu Daud)

6. Membaca Doa Selepas Bersungkai

Disunatkan membaca doa sejurus selepas bersungkai. Doa bersungkai ini biasanya ada disiarkan ke udara melalui corong radio ataupun televisyen. Doa bersungkai itu adalah seperti berikut:

Maksudnya: *“Ya Allah! KeranaMu saya telah berpuasa dan di atas rezekiMu, saya telah bersungkai.”*

Sekiranya bersungkaik dengan air atau selainnya, bolehlah ditambah dengan doa berikut:

Maksudnya: *“Telah hilang kehausan dan telah basah urat-urat dan pasti dikurniakan pahala dengan kehendak Allah.”*

Begitu juga boleh berdoa memohon keampunan semasa bersungkaik. Ibnu ‘Amru bin al-‘Ash *Rahimahullahu Ta‘ala* pernah berdoa memohon keampunan ketika bersungkaik sepertimana sabda Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

: :

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa ketika dia bersungkaik pasti ada doa yang tidak ditolak.”*

Berkata Ibnu Abi Mulaikah Rahimahullahu Ta‘ala: “Aku telah mendengar ‘Abdullah bin ‘Amru membaca doa ketika beliau telah bersungkaik (yang maksudnya): Ya Allah! Sesungguhnya saya memohon kepadaMu dengan rahmatMu yang meliputi segala sesuatu agar Engkau mengampunkan saya.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Hikmah Bersungkaik Dengan Mengikut Sunnah Rasullullah *Shallallahu ‘Alaihi Wasallam*

Dalam sesuatu perkara atau kejadian itu, setentunya ada mengandungi hikmah yang tersurat mahupun tersirat disebalik

perkara atau kejadian itu. Begitulah juga dengan etika bersungkai, sudah tentu ada hikmahnya. Apatah lagi ia merupakan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, sememangnya mengandungi hikmah yang jelas.

Hikmah disebalik segera bersungkai ialah supaya tidak melanjutkan waktu siang ke waktu malam; kerana sebagai belas kasihan kepada orang yang berpuasa dengan menyegerakan bersungkai setelah merasa lapar dan dahaga di siang hari, dan akan menambahkan kekuatan untuk melakukan ibadat.

Selain daripada itu, mensegerakan bersungkai akan membezakan amalan umat Islam daripada amalan kaum Yahudi dan Nashrani yang biasa melewatkan sungkai hingga terbit bintang.

Hikmah memakan buah kurma pula ialah mendapat khasiat daripada kemanisan buah kurma itu sendiri kerana sesuatu yang manis itu lebih mudah dicerna oleh perut yang kosong. Tambahan lagi makanan yang manis akan menambahkan kekuatan, ini termasuklah menguatkan kembali pandangan mata yang lemah disebabkan berpuasa.

Menurut Imam asy-Syaukani *Rahimahullahu Ta'ala*, jika sebab sunat bersungkai dengan memakan buah kurma adalah kerana kemanisannya dan kemanisan itu memberi kesan kepada tubuh badan, maka demikianlah juga hukum memakan segala benda-benda yang manis ketika bersungkai.

Manakala hikmah bersungkai dengan meminum air pula ialah akan membasahkan semula organ hati yang mengalami proses pengeringan (dehidrasi) dengan berpuasa, jadi dengan membasahkan organ hati semula dengan air, atau dalam istilah lain, menambah semula cecair yang kurang, akan menyempurnakan pengambilan makanan setelah itu.

Hikmah bersungkai dengan bersederhana pula ialah untuk mencapai hakikat maksud puasa yang sebenar kerana hakikat dan rahsia puasa adalah untuk melemahkan kemahuan dan keinginan yang digunakan oleh syaitan, sebagai cara untuk menarik manusia kepada kejahatan. Jika segala kemahuan dan keinginan ini dipuaskan semasa bersungkai, maka menunjukkan seolah-olah puasa pada siang harinya itu tidak memberi kesan. Hakikat puasa sebenar itu juga tidak sempurna tercapai. Oleh itu, kesan puasa itu hendaklah dikekalkan walaupun ketika bersungkai iaitu dengan cara sederhana bersungkai.

Demikianlah antara adab atau etika bersungkai yang diamalkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Walaupun kita merasa gembira kerana sudah tiba masa untuk bersungkai tetapi kita perlu juga ingat akan etika bersungkai yang telah diamalkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

Di samping mendapat pahala bersungkai dengan mengikut sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, kita juga akan mendapat manfaat di sebalik hikmah bersungkai dengan cara demikian.